



FOKUS... Johnny Pang Leong Ming melawat pempamer dan mendengar penerangan pada Program Komuniti Pendidikan Mikrobiologi Dalam Ekosistem Akuarium di SK Kidurong, Bintulu, semalam.

IEB UPMKB anjur Program Komuniti Pendidikan Mikrobiologi

BINTULU: Institut EkoSains Borneo (IEB) Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) mengadakan Program Komuniti Pendidikan Mikrobiologi dalam Ekosistem Akuarium di Sekolah Kebangsaan (SK) Kidurong di sini, semalam.

Program yang dianjurkan dengan kerjasama SK Kidurong itu bertujuan memberi pendedahan kepada murid-murid dan guru tentang hidupan akuatik.

Majlis perasmian program itu disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Batu Johnny Pang Leong Ming.

Menurut Johnny Pang, program seumpama itu dapat mendedahkan murid-murid dan guru dengan visual menarik dalam usaha meningkatkan pemahaman tentang hidupan akuatik.

"Program ini tidak hanya mengembangkan perbendaharaan kata mereka, tetapi juga menanam nilai-nilai positif seperti menghargai alam semula jadi," katanya pada majlis perasmian program itu.

Oleh itu, beliau berharap agar program tersebut dapat diteruskan untuk menyokong kelestarian akuatik sekali gus memberi impak positif kepada generasi akan datang.

Turut hadir, Pengarah IEB UPMKB, Dr. Syeed SaifulAzry Osman Al Edrus, Guru Besar SK Kidurong, Abdul Samad Rosli, Ketua Laboratori Biodiversiti Borneo IEB UPMKB, Dr. Keeren Sundara Rajoo dan Ketua Program, Profesor Madya Dr. Leong Sui Sien.

Program itu dibahagikan kepada lima modul iaitu Pelangi Kobis Merah, Eksplorasi Aerodinamik: Projek Kejuruteraan Pesawat, Menganggar Jumlah Pembebasan Gas Amonia, Teknologi Penanaman Tanpa Tanah dan Ekosistem Hidupan Akuatik Dalam Akuarium.

Selain itu, pameran 'Black Soldier Fly' turut diadakan yang mana ia dikendalikan oleh seorang pakar bidang serangga tersebut iaitu Leong Boon Huat.